

SOALAN NO: 55

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEENAM,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: TUAN SIVAKUMAR VARATHARAJU NAIDU

TARIKH: 27 MAC 2018

SOALAN:

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan berapakah bilangan pemberhentian pekerja yang dijangkakan untuk tahun ini berbanding tahun 2017 mengikut sektor-sektor yang paling terjejas. Apakah langkah-langkah Kementerian untuk mengatasi masalah pemberhentian kerja dan pengangguran yang semakin meningkat di negara kita.

PR-1361-L05244

123

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Untuk makluman Dewan yang mulia, pada tahun 2017, seramai 35,097 pekerja telah diberhentikan. Pada tahun 2018 pula, seramai 1,065 pekerja diberhentikan bagi tempoh sehingga 31 Januari. Berdasarkan rekod Jabatan Tenaga Kerja (JTK), pada tahun 2017 pemberhentian pekerja tertinggi dilaksanakan di sektor berikut:

- (i) sektor pembuatan seramai 25,370 pekerja,
- (ii) sektor penginapan dan aktiviti perkhidmatan 1,476 pekerja,
- (iii) sektor perdagangan borong dan runcit 1,275; dan
- (iv) sektor aktiviti kewangan dan insurans/takaful sebanyak 1,210 pekerja.

2. Pada tahun 2018, bagi tempoh 1 hingga 31 Januari 2018, pemberhentian pekerja masih direkodkan bagi sektor berikut:

- (i) sektor pembuatan iaitu seramai 597 pekerja;
- (ii) sektor perlombongan dan pengkuarian 108 pekerja;
- (iii) sektor maklumat dan komunikasi 59 pekerja; dan
- (iv) sektor perkhidmatan penginapan dan aktiviti perkhidmatan makanan dan minuman iaitu sebanyak 53 pekerja.

Tuan Yang Di Pertua,

3. Kementerian juga telah menubuhkan Pusat Operasi Pemantauan Pemberhentian Pekerja Peringkat Nasional (POPPK), Pusat operasi ini bertempat Ibu Pejabat JTKSM, Kementerian Sumber Manusia. Pusat operasi di peringkat negeri turut menjalankan pemantauan secara rapi dan proaktif bagi memastikan hak-hak pekerja terjamin dan kebajikan tidak diabaikan. Jawatankuasa ini turut dianggotai dengan agensi-agensi berkaitan seperti Setiausaha Kerajaan Negeri, Unit Perancang Ekonomi (EPU), *Malaysian Industrial Development Authority* (MIDA), *Malaysian Employers Federation* (MEF) dan *Malaysian Trade Union Congress* (MTUC) dan pihak Kesatuan Majikan yang turut menjadi Ahli Jawatankuasa.

4. KSM melalui JTK telah melaksanakan pelbagai program untuk membantu para pencari kerja yang kehilangan pekerjaan, belia serta graduan yang baru menamatkan pengajian. Antara program yang telah dilaksanakan ialah penganjuran Karnival Pekerjaan di peringkat kebangsaan, negeri dan daerah di seluruh negara yang diadakan sepanjang tahun.

5. Bagi tujuan tersebut juga, pihak Jabatan dengan kerjasama Universiti Awam (UA) dan Institusi Latihan Kemahiran Awam (ILKA) telah bekerjasama bagi mengadakan Karnival Pekerjaan di lokasi yang telah ditetapkan bagi memudahkan para bakal graduan, lepasan graduan dan pencari kerja untuk dipadankan dengan

kekosongan jawatan yang ditawarkan oleh majikan. Ia menjadi *platform* kepada para pencari kerja dan majikan untuk bertemu dan mendapatkan pekerjaan dan calon pekerja yang sesuai dengan kehendak mereka.

6. KSM dan Kementerian Kewangan melalui kerjasama agensi yang terlibat turut menganjurkan Program *JobFair@UTC* sebanyak 2 program bagi tahun 2017. Ianya diteruskan melalui penganjuran *JobFair@UTC* 4.0 Tahun 2018 yang telah diadakan pada 3 Mac 2018 (Sabtu), dengan penglibatan sebanyak 12 UTC Negeri dan 3 Pusat *JobsMalaysia* di seluruh Negara. Dengan penubuhan Pusat Sehenti Perkhidmatan Pekerjaan Kebangsaan di semua UTC Negeri, Pusat *JobsMalaysia* beroperasi bersama-sama agensi seperti Skim Latihan 1Malaysia (SL1M), TERAJU, Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB) dan PERKESO yang turut memberikan perkhidmatan setempat kepada golongan sasaran iaitu pencari kerja.

7. Majikan diwajibkan mengemukakan Borang Pemberhentian (PK) dalam tempoh tiga puluh (30) hari sebelum tindakan pemberhentian dilakukan sebagaimana Seksyen 63 Akta Kerja 1955. Ini adalah bertujuan untuk jabatan menjalankan pemantauan awal bagi memastikan hak-hak pekerja terjamin dan kebajikan tidak diabaikan. Pemantauan secara terperinci terhadap syarikat-syarikat yang terlibat agar mematuhi peruntukan undang-undang dari segi pembayaran faedah penamatan kerja, notis penamatan dan lain-lain faedah kewangan.

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEENAM,
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : DATO' NGEH KOO HAM
[BERUAS]
TARIKH : 27.3.2018 (SELASA)
SOALAN : 56

minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan jumlah permohonan dan peruntukan yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA) untuk tahun 2017 dan 2018. Nyatakan jumlah peruntukan tanam semula yang telah diluluskan dan kenapa ramai daripada mereka masih belum menerima wang untuk penanaman semula tersebut.

127

JAWAPAN :

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, pada tahun 2017 bagi program Tanam Semula Getah ke Getah Semasa jumlah permohonan yang telah diluluskan dan dibayar bantuan adalah sebanyak 12,440 permohonan dengan jumlah perbelanjaan sebanyak RM113.5 juta.

Manakala pada tahun 2018, bagi program Tanam Semula Getah ke Getah Semasa jumlah peruntukan yang telah diluluskan adalah sebanyak RM111.8 juta dengan jumlah permohonan yang telah diluluskan dan dibayar bantuan sebanyak 3,071 permohonan.

Permohonan yang telah diluluskan akan diproses untuk urusan pembayaran setelah kerja-kerja penyediaan kebun siap dilaksanakan dan anak benih getah siap ditanam keseluruhannya serta setelah lain-lain syarat dipenuhi mengikut peraturan yang telah ditetapkan.